



**YANG Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin (dua dari kanan) menyampaikan Ijazah Sarjana kepada seorang graduan UMS dalam Majlis Konvokesyen Ke-17 universiti itu di Kota Kinabalu, semalam.**



**IKBAL ABDUL NABI (kiri) menerima kucupan tahniah daripada anak perempuannya, Samar Ayad Murad selepas Majlis Konvokesyen Ke-17 Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu, semalam.**

## Dorongan suami lumpuh bantu Ikbal raih PhD

UM 22.11.2015 18



**KOTA KINABALU 21 Nov.** – Semangat serta dorongan penuh daripada suami tercinta yang terlantar sakit dan lumpuh akibat kemalangan jalan raya sejak 25 tahun lalu merupakan azimat terbesar buat Ikbal Abdul Nabi, 51, meraih kejayaan dalam bidang pendidikan.

Meskipun terpaksa membahagi masa dengan tepat untuk menguruskan suami, Mohammed Al-Airami, 60, dan dua lagi anak, namun itu bukan alasan buat Ikbal untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Selain menguruskan hal keluarga di Oman, wanita yang berasal dari Iraq ini ternyata mempunyai semangat jitu dalam melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan apabila berjaya menamatkan pengajian di UMS dan meraih segelung ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang Sumber Manusia.

Kecekanan Ikbal dalam mengharungi sesi pengajian secara sambilan di UMS selama tujuh tahun banyak dibantu oleh pihak majikannya di Oman apabila dia diberi peluang sepenuhnya untuk bertugas dan mengulangkaji pelajaran.

“Saya bertugas sebagai pakar dalam Bidang Sumber Manusia dengan Kementerian Perumahan di Oman. Perjalanan meraih kejayaan memperoleh ijazah PhD ini merupakan satu pengalaman yang sangat sukar.



**SEBAHAGIAN daripada pelajar Universiti Malaysia Sabah selepas Majlis Konvokesyen Ke-17 Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, semalam. – MINGGUAN/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN**

“Biarpun terpaksa bertugas di kementerian, menjaga suami yang terlantar sakit dan menguruskan hal keluarga, namun saya berjaya juga untuk menerima ijazah yang saya sangat inginkan ini. Semua ini atas dorongan penuh daripada suami tercinta,” katanya yang ditemui dalam Majlis Konvokesyen UMS Kali Ke-17, di sini, hari ini.

Sambil menitiskan air mata, Ikbal berkata, suaminya ada menghubunginya dari Oman pada pagi ini untuk mengingatkan supaya tidak terlepas menghadiri majlis konvokesyen yang berlangsung awal pagi.

Katanya, kesungguhan suami tercinta dalam memberi galaikan dan dorongan kepada dirinya mengharungi segala cabaran merupakan motivasi tinggi, selain ingin membuktikan bahawa dia juga mampu melakar kejayaan meskipun dihimpit pelbagai permasalahan.

Jelasnya, semua cabaran dapat dihadapi dengan tenang, selain terpaksa berkorban masa untuk bertungkus-lumus mengulangi pelajaran secara dalam talian serta datang ke UMS bagi menguruskan sesi pembelajaran.

“Alhamdulillah, semuanya dapat

diatasi dengan berkat kesabaran serta dorongan daripada semua ahli keluarga. Terima kasih buat semua terutama kepada UMS dan majikan saya yang telah banyak memahami situasi diri saya,” katanya.

Tambahnya, detik bersejarah buat dirinya pada hari ini dikehujung dengan kehadiran anak sulungnya yang berusia 18 tahun bersama ketua jabatan di tempat kerja yang meraikan kejayaannya di UMS.

Menurut Ikbal, kehadiran anak dan ketuanya itu sama sekali tidak diketahuinya, malah itu merupakan satu kejutan buatnya.